

Borang Permohonan Pembiayaan ASB-i Hong Leong

Kepada Hong Leong Islamic Bank (pihak Bank):

Saya/Kami Warganegara Malaysia Penduduk tetap negara asing yang tinggal di luar Malaysia kurang dari 182 hari (dalam setahun) berusia 18 tahun dan ke atas dan saya/kami ingin memohon Pembiayaan untuk pembelian salah satu dana yang dipilih di bawah (sila tandakan mana berkenaan)

ASB ASB 2

Sila tandakan:

- Setelah diluluskan, jumlah pembiayaan yang dinyatakan di sini atau jumlah pembiayaan akhir yang diluluskan oleh Bank, saya/kami dengan ini membenarkan Bank untuk meneruskan pembiayaan dana yang dipilih di atas.
- Saya/Kami telah membaca dan memahami semua dokumen yang disenaraikan dalam Klausa 29 di Bahagian C Deklarasi Borang Permohonan ini.**
- Saya/Kami mengetahui sepenuhnya risiko yang berkaitan dengan dana yang akan dibeli, risiko yang berkaitan pembiayaan untuk membeli dana tersebut dan memahami ciri-ciri dan risiko kemudahan pembiayaan yang dimohon.

UNTUK KEGUNAAN BANK

Sila isikan borang ini dengan menggunakan **HURUF BESAR**

BAHAGIAN I Pemohon Utama Sijil ASB untuk Pembiayaan ini hanya akan mengandungi nama Pemohon Utama

Bahagian A Butiran Permohonan Pembiayaan

Ya, saya adalah Pemegang Unit ASNB yang sedia ada.

Jumlah Pembiayaan (untuk pembelian dana) RM , . Tempoh Tahun

Nota: Amaun minimum RM10,000 dan amaun maksimum RM200,000 (tidak termasuk sumbangan takaful dan fi perkhidmatan penulisan wasiat). Amaun pembiayaan terakhir akan diluluskan berdasarkan kelulusan muktamad pihak Bank.

Saya ingin memilih perlindungan Takaful Berjangka Berkurangan ASB ("ARTT") dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada pembiayaan saya (untuk ditambahkan kepada Amaun Pembiayaan yang dinyatakan di atas)

Amaun Pembiayaan yang Dilindungi (RM) , .

Amaun Sumbangan Takaful (RM) , .

Tempoh untuk Dilindungi Tahun

Nota: Amaun minimum yang dilindungi ialah RM10,000 dan tempoh minimum untuk dilindungi ialah 5 tahun.

Saya ingin mendapatkan Perkhidmatan Penulisan Wasiat dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada pembiayaan saya (untuk ditambahkan kepada Amaun Pembiayaan yang dinyatakan di atas)

Fi Perkhidmatan Penulisan Wasiat (RM) .

Bahagian B Butiran Peribadi

Nama Penuh (mengikut K.P.)

Jantina Lelaki Perempuan

No. K.P. Baru

No. K.P. Lama

Pengenalan diri lain

Tarikh Lahir (hh/bb/tttt)

Bangsa Melayu Cina India Pribumi Lain-lain

No. Tel. Bimbit

No. Tel. Rumah

Pemilikan Rumah

Sendiri Ibubapa
 Majikan Sewa (Bulanan) RM

Taraf Perkahwinan

Bujang Berkahwin Janda atau Duda Bercerai

Bilangan Tanggungan

Alamat Pos Rumah Pejabat

Alamat Rumah

Poskod Negeri

Tempoh Menetap

Alamat Emel

Nota: Nombor telefon bimbit ini akan didaftarkan secara automatik untuk menerima Kod Pengesahan Transaksi (TAC) yang diperlukan untuk melakukan transaksi terpilih melalui HLB Connect.

Alamat emel dan nombor telefon bimbit adalah ruang wajib dan ia akan digunakan oleh Bank untuk penghantaran surat-menyurat kepada anda, seperti penyata elektronik/surat akaun dan notis. Anda boleh menyemak atau mendapatkan surat menyurat atau penyata elektronik tersebut melalui HLB Connect pada bila-bila masa, tertakluk pada tempoh ketersediaan dalam talian. Sila ambil perhatian bahawa kami tidak lagi akan mengeluarkan penyata cetak. Sekiranya anda ingin meminta penyata cetak, sila kunjungi salah satu cawangan kami atau hubungi pusat perkhidmatan HLB di 03-7626 8899 untuk meminta penyata cetak. Harap maklum bahawa Bank akan mengenakan fi/caj untuk salinan penyata cetak/notis yang dihantar kepada anda. Sila rujuk laman sesawang Bank di www.hlisb.com.my untuk mengetahui fi dan caj bagi produk dan perkhidmatan kami.

Bahagian C Butiran Pekerjaan

Jenis Pekerjaan

- Bekerja Sendiri dengan Pekerja Tenaga Kerja Luar
 Bekerja Sendiri tanpa Pekerja Pekerja Sektor Swasta
 Pekerja Kerajaan/Penjawat Awam

Adakah anda penyumbang KWSP Ya Tidak

Nama Majikan

Alamat Pejabat

Poskod Negeri No. Tel. Pejabat Sektor Pekerjaan Pekerjaan Sektor Industri Tarikh Mula Bekerja (hh/bb/tttt) Pendapatan Kasar Tahunan RM

- Gaji Komisen Perniagaan

Pendapatan Tahunan Lain RM

- Sewa (Perjanjian Yang Telah Disetem)
 Lain-lain (Sila Nyatakan)

Nama Majikan Terdahulu (jika bekerja kurang daripada 2 tahun dengan majikan sekarang) No. Tel. Pejabat Pekerjaan Tempoh Perkhidmatan **BAHAGIAN II Pemohon Tambahan****Bahagian A Butiran Peribadi (Pemohon Bersama 1)**Nama Penuh (mengikut K.P.) Jantina Lelaki PerempuanNo. K.P. (Baru) No. K.P. (Lama) Pengenalan diri lain Tarikh Lahir (hh/bb/tttt) Bangsa Melayu Cina India Pribumi Lain-lainNo. Tel. Bimbit No. Tel. Rumah

Hubungan dengan Pemohon Utama (Pemegang sijil ASB)

- Suami/Isteri Anak Kandung Ibubapa Kandung

Pemilikan Rumah

- Sendiri Ibulapa
 Majikan Sewa (Bulanan) RM

Taraf Perkahwinan

- Bujang Berkahwin Bercerai Janda atau Duda

Bilangan Tanggungan Alamat Pos Rumah PejabatAlamat Rumah Poskod Negeri Tempoh Menetap Alamat Emel **Bahagian B Butiran Pekerjaan (Pemohon Bersama 1)**

Jenis Pekerjaan

- Bekerja Sendiri dengan Pekerja Tenaga Kerja Luar
 Bekerja Sendiri tanpa Pekerja Pekerja Sektor Swasta
 Pekerja Kerajaan/Penjawat Awam

Adakah anda penyumbang KWSP Ya Tidak

Nama Majikan

Alamat Pejabat

Poskod Negeri No. Tel. Pejabat Sektor Pekerjaan Pekerjaan Sektor Industri Tarikh Mula Bekerja (hh/bb/tttt) Pendapatan Kasar Tahunan RM

- Gaji Komisen Perniagaan

Pendapatan Tahunan Lain RM

- Sewa (Perjanjian Yang Telah Disetem)
 Lain-lain (Sila Nyatakan)

Nama Majikan Terdahulu (jika bekerja kurang daripada 2 tahun dengan majikan sekarang) No. Tel. Pejabat Pekerjaan Tempoh Perkhidmatan

Bahagian C Butiran Peribadi (Pemohon Bersama 2)

Nama Penuh (mengikut K.P.)

Jantina Lelaki Perempuan

No. K.P. (Baru)

No. K.P. (Lama)

Pengenalan diri lain

Tarikh Lahir (hh/bb/tttt)

Bangsa Melayu Cina India Pribumi Lain-lain

No. Tel. Bimbit

No. Tel. Rumah

Hubungan dengan Pemohon Utama (Pemegang sijil ASB)

 Suami/Isteri Anak Kandung Ibumama Kandung

Pemilikan Rumah

 Sendiri Ibumama
 Majikan Sewa (Bulanan) RM

Taraf Perkahwinan

 Bujang Berkahwin Bercerai Janda atau Duda

Bilangan Tanggungan

Alamat Pos Rumah Pejabat

Alamat Rumah

Poskod Negeri

Tempoh Menetap

Alamat Emel

Bahagian D Butiran Peribadi (Pemohon Bersama 2)

Jenis Pekerjaan

 Bekerja Sendiri dengan Pekerja Tenaga Kerja Luar
 Bekerja Sendiri tanpa Pekerja Pekerja Sektor Swasta
 Pekerja Kerajaan/Penjawat AwamAdakah anda penyumbang KWSP Ya Tidak

Nama Majikan

Alamat Pejabat

Poskod Negeri

No. Tel. Pejabat

Sektor Pekerjaan

Pekerjaan

Sektor Industri

Tarikh Mula Bekerja (hh/bb/tttt)

Pendapatan Kasar Tahunan RM
 Gaji Komisen PerniagaanPendapatan Tahunan Lain RM
 Sewa (Perjanjian Yang Telah Disetem)
 Lain-lain (Sila Nyatakan)

Nama Majikan Terdahulu (jika bekerja kurang daripada 2 tahun dengan majikan sekarang)

No. Tel. Pejabat

Pekerjaan

Tempoh Perkhidmatan

BAHAGIAN III**Bahagian A Lain-lain Kemudahan (Bank dan Bukan Bank)**

No.	Institusi/Penyedia Kewangan	Jenis kemudahan	Jumlah pinjaman/ pembiayaan RM	Jumlah Ansuran/ Bayar-balik RM	Baki Belum Jelas RM
1.					
2.					
3.					

Bahagian B Arahan Bayaran Bulanan

Saya/Kami dengan ini memohon dan memberi kuasa kepada Hong Leong Islamic Bank untuk mendebitkan akaun saya/kami di bawah untuk Ansuran Bulanan yang perlu dibayar seperti yang dinyatakan dalam Notis Pembayaran dan fi dan caj yang berkaitan di bawah terma-terma Kemudahan yang diberikan kepada saya/kami oleh Hong Leong Islamic Bank.

No. Akaun [] [] [] [] - [] [] [] [] [] [] [] [] [] []

Saya/Kami dengan ini:

1. Mengesahkan bahawa saya/kami memohon Pembiayaan ASB-i Hong Leong ("Pembiayaan ASB-i" atau "Kemudahan") dengan melengkapkan borang permohonan ini yang juga berfungsi sebagai surat tawaran dan memahami bahawa borang permohonan ini dan semua dokumen sokongan tetap menjadi hak milik Bank tanpa mengira sama ada Kemudahan ditolak atau diluluskan.
2. Mengaku dan mengesahkan bahawa saya/kami dengan jelas memahami bahawa borang permohonan yang telah dilengkapkan, ditandatangani, disalin dan dihantar melalui faks atau diimbas kepada pihak Bank bagi permohonan Kemudahan tersebut akan dianggap sebagai borang asal untuk pengesahan dan pembelian dana. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, saya/kami MESTI mengemukakan borang permohonan yang asal yang telah disempurnakan dan menyerahkannya kepada pihak Bank dengan segera atas permintaan pihak Bank.
3. Memahami bahawa tandatangan elektronik saya/kami yang direkodkan pada peranti elektronik yang digunakan oleh Bank untuk memudahkan permohonan elektronik adalah sulit dan akan digunakan semata-mata bagi tujuan permohonan Kemudahan. Dengan melampirkan tandatangan elektronik saya/kami pada permohonan elektronik, saya/kami menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ("T&S") dan/atau sebarang T&S lain yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa berkaitan dengan kemudahan tersebut.
4. Memperakui bahawa semua maklumat yang diberikan kepada pihak Bank adalah lengkap, benar dan betul dan akan memaklumkan kepada pihak Bank jika terdapat sebarang perubahan mengenainya dan memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mengesahkan dan mendapatkan sebarang maklumat lain daripada mana-mana sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS, CTOS atau mana-mana agensi rujukan kredit, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa dan dengan apa jua cara dan pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.
5. Mengesahkan bahawa saya/kami telah memaklumkan sepenuhnya kepada pihak Bank mengenai semua kemudahan pembiayaan yang saya/kami miliki dengan semua penyedia perkhidmatan kewangan termasuk entiti bukan kewangan. Sebarang ketidaktepatan atau kesilapan di dalam maklumat di atas yang disediakan oleh saya/kami tidak akan menyebabkan kegagalan pihak Bank untuk mematuhi Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM"); pihak Bank berhak mengkaji semula, membatalkan dan/atau menamatkan Kemudahan yang diberikan kepada saya/kami pada bila-bila masa mengikut budi bicara pihak Bank dan saya/kami akan menanggung segala kerugian dan caj yang timbul akibat daripada maklumat yang tidak benar, tidak lengkap dan/atau tidak tepat.
6. Memberi kuasa dan membenarkan pihak Bank untuk:
 - (a) Menyemak kelayakan saya untuk membeli unit ASB/ASB 2 daripada Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") bagi pihak saya; dan
 - (b) Membeli unit ASB/ASB 2 daripada ASNB bagi pihak saya setelah pihak Bank meluluskan pembiayaan ASB/ASB 2.
7. Memberi kebenaran yang tidak boleh dibatalkan kepada pihak Bank, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat saya/kami yang berkaitan dengan Kemudahan di dalam permohonan ini, akaun sedia ada dan akan datang dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan saya/kami atau perniagaan dan operasi saya/kami kepada:
 - (a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang untuk memberi sebarang kemudahan pembiayaan/kredit kepada saya/kami, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa/agensi berkaitan yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia atau Persatuan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia;
 - (b) Sebarang perbadanan semasa atau akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan pihak Bank (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016), termasuk wakil dan pejabat cawangan serta subsidiari syarikat pegangan pihak Bank;
 - (c) Pihak cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan Kemudahan;
 - (d) Juruaudit Bank, peguacara dan/atau ejen lain untuk mendapatkan semula wang yang perlu dibayar dan akan dibayar untuk Kemudahan; dan
 - (e) Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang terlibat di dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat bersekutu atau berkait dengannya.

Saya/Kami dengan ini memberi kebenaran yang tidak boleh dibatalkan berhubung pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penyediaan maklumat tersebut atau untuk akibat daripada sebarang pergantungan yang mungkin diletakkan ke atas maklumat tersebut yang telah disediakan berdasarkan T&S ini.
8. Mengakui bahawa saya/kami tiada sebarang kegagalan membuat bayaran untuk sebarang akaun dengan pihak Bank atau mana-mana institusi kewangan lain dan membenarkan pihak Bank berbincang dengan institusi kewangan berkenaan mengenai sebarang sejarah bayaran lewat;
9. Mengakui bahawa saya/kami bukan seorang mufis, bahawa tiada sebarang tindakan kemufisan dilakukan oleh saya/kami dan tiada sebarang tindakan undang-undang atau prosiding kemufisan yang belum selesai, sedang dilaksanakan atau diperolehi terhadap saya/kami.
10. Bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk menamatkan, membatalkan, menarik balik dan/atau menggantung Kemudahan sekiranya Kemudahan

tersebut tertunggak selama 2 bulan berturut-turut, unit ASB/ASB 2 yang dicagarkan akan ditunaikan dengan serta-merta dan hasilnya digunakan untuk menyelesaikan Kemudahan yang tertunggak.

11. Bersetuju bahawa tidak akan membatalkan permohonan saya dalam tempoh satu tahun dari tarikh pembayaran.
12. Untuk ARTT (jika berkenaan), saya dengan ini:
 - (a) Memahami dan bersetuju untuk dilindungi oleh ARTT; pelan takaful yang ditawarkan oleh pengendali takaful yang diluluskan oleh pihak Bank;
 - (b) Memahami bahawa pihak Bank hanya akan membiayai sumbangan takaful sehingga maksimum lima peratus daripada nilai unit ASB/ASB 2 (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 4 dalam T&S);
 - (c) Mengesahkan bahawa saya berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan kepada saya mengenai ARTT dan mengaku bahawa saya telah membaca maklumat yang diringkaskan dalam Helaian Pendedahan Produk;
 - (d) Memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mendedahkan maklumat yang terkandung dalam borang permohonan ini kepada pengendali takaful yang diluluskan oleh Bank;
 - (e) Memahami bahawa kadar sumbangan akan ditentukan oleh pengendali takaful dari semasa ke semasa;
 - (f) Memahami bahawa rebat untuk pembatalan awal takaful adalah mengikut terma dan syarat pengendali takaful; dan
 - (g) Memahami bahawa Sijil Takaful yang mengandungi maklumat terperinci akan dihantar kepada saya apabila pendaftaran saya berjaya.
13. Mengesahkan dan memahami bahawa pihak Bank berhak untuk menolak permohonan ini tanpa memberi sebarang sebab.
14. Mengakui bahawa saya/kami memahami bahawa permohonan saya/kami untuk Kemudahan akan tertakluk pada T&S serta bersetuju untuk terikat dan mematuhiinya.
15. Memahami bahawa pihak Bank berhak untuk mengubah Kadar Keuntungan yang tertakluk pada keputusan muktamad Bank. Saya/Kami juga memahami bahawa Kadar Keuntungan akan dimaklumkan kepada saya/kami melalui Notis Pembayaran yang dikeluarkan oleh pihak Bank.
16. Memahami dan bersetuju bahawa pihak Bank mungkin meluluskan Kemudahan untuk nilai atau tempoh yang lebih rendah daripada yang saya/kami mohon.
17. Membenarkan pihak Bank menolak sumbangan takaful (jika berkenaan) dan/atau fi perkhidmatan penulisan wasiat (jika berkenaan) daripada amaun Kemudahan;
18. Mengaku janji untuk membayar ansuran bulanan kepada pihak Bank berdasarkan amaun Kemudahan yang diberikan pada tarikh yang ditetapkan dan pada Kadar Keuntungan yang tertera dalam Notis Pembayaran yang akan dihantar kepada saya/kami, serta semua fi dan caj berkenaan di bawah T&S ini.
19. Memahami dan bersetuju untuk membayar fi endorsan kepada Bank sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) sahaja (dibayar kepada ASNB).
20. Meskipun terdapat syarat-syarat lain dalam pembiayaan ini, Kadar Keuntungan Efektif ("EPR") yang dikenakan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa adalah tidak boleh kurang dari 0.00% pada bila-bila masa dan Bank juga boleh menerapkan ICOF sebagai Kadar Rujukan. ICOF adalah merupakan kos kepada pihak Bank dalam memberikan pembiayaan daripada sumber-sumber yang ditentukan mengikut budi bicara Bank termasuklah kos bagi mengekalkan rizab statutori, keperluan keairan kewangan, kos pentadbiran, dan lain-lain kos yang berkaitan seperti yang dinyatakan oleh Bank dari semasa ke semasa. EPR minimum yang terpakai bagi Kemudahan tidak boleh kurang daripada 1.70% setahun yang dikira secara harian atau apa-apa kadar minimum lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
21. Memperakui bahawa sekiranya tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga umur persaraan saya/kami, saya/kami menyedari bahawa saya/kami bertanggungjawab untuk memastikan bahawa saya/kami mempunyai pelan persaraan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pembayaran pembiayaan dengan sewajarnya.
22. Memperakui dan bersetuju bahawa permohonan ini, T&S, Notis Pembayaran Bank dan semua dokumen lain yang dikeluarkan oleh pihak Bank yang berkaitan dengan Kemudahan akan membentuk dan menjadi satu perjanjian tunggal yang dimeterai oleh saya/kami dengan pihak Bank.
23. Memahami dan bersetuju bahawa jika berlaku Kejadian Keingkaran (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 18 T&S) berlaku:
 - (a) Pihak Bank berhak mengambil tindakan yang sesuai (sama ada dengan sendiri atau melalui ejennya) terhadap saya/kami untuk mendapatkan semula semua jumlah yang sepatutnya dibayar dan tertunggak di bawah Kemudahan dan/atau menjual unit ASB/ASB 2 saya/kami, sekiranya akaun saya/kami diklasifikasikan sebagai tertunggak atau terjejas oleh pihak Bank, kepada pihak ketiga yang dianggap wajar oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlakinya; dan
 - (b) Jika saya/kami gagal, mengabaikan dan/atau tidak bertindak balas terhadap notis dan/atau komunikasi yang dikeluarkan oleh pihak Bank berhubung dengan keingkaran saya/kami bagi Kemudahan ini, mengikut T&S ini, saya/kami dengan ini bersetuju dan membenarkan pihak Bank, kakitangan, wakil dan/atau ejennya untuk menjual unit ASB/ASB 2 yang dicagarkan bagi menjelaskan bayaran jumlah tertunggak di bawah Kemudahan ini dan juga akan menamatkan ARTT sekiranya dibiayai bersama Kemudahan ini untuk mendapatkan nilai penyerahan sijil takaful tersebut daripada pengendali takaful.

Sekiranya hasil yang diperolehi daripada penjualan di atas tidak mencukupi untuk menyelesaikan keseluruhan tunggakan, saya/kami akan bertanggungjawab terhadap sebarang kekurangan serta semua caj lain sehingga jumlah tertunggak dibayar sepenuhnya. Walau bagaimanapun, jika akaun masih lagi tertunggak, pihak Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang bagi mendapatkan semula jumlah yang tertunggak.

24. Jika saya adalah kakitangan Kumpulan Hong Leong ("Kumpulan") yang membuat permohonan di bawah Pakej Komersial Kakitangan Bank, saya sedar bahawa saya perlu menyelesaikan sepenuhnya baki Kemudahan sebelum tarikh kuat kuasa pemberhentian perkhidmatan. Sekiranya gagal, EPR Kemudahan akan disemak secara automatik kepada EPR Bank yang lazim dan kadar yang disemak akan berkuat kuasa dari tarikh penamatan atau pemberhentian pekerjaan saya dengan Kumpulan tanpa sebarang notis selanjutnya kepada saya selain daripada notis pemberitahuan tentang ansuran yang telah disemak semula (jika berkenaan). Saya dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk memeriksa status pekerjaan saya dengan majikan saya sepanjang tempoh Kemudahan.
25. Mewakil dan menjamin bahawa saya/kami telah mendapatkan kebenaran semua orang yang dinamakan dalam permohonan saya/kami untuk Kemudahan atau sebarang dokumen lain yang diserahkan kepada pihak Bank untuk menyokong permohonan saya/kami untuk Kemudahan ini selaras dengan Notis Privasi Bank yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.
26. Berjanji secara tidak boleh dibatalkan dan tanpa syarat untuk membeli aset tersebut (seperti yang ditetapkan di dalam Surat Perwakilan dalam Bahagian II) mengikut Harga Jualan sebagaimana yang ditakrifkan dalam T&S Kemudahan ini:
 - Aset tersebut akan dijual kepada saya/kami dalam "keadaan seperti mana sedia ada" tanpa apa-apa representasi atau waranti berkenaan dengannya dan semasa pengeluaran perjanjian belian, sijil dan surat cara lain; semua risiko akan ditanggung oleh saya/kami dan pihak Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau obligasi yang berkaitan dengan Aset dalam apa-apa bentuk atau cara sekali pun.
 - Apa-apa kecacatan, kegagalan penghantaran atau pertikaian berhubung dengan Aset tidak akan menjejaskan atau membebaskan kewajipan saya/kami atau aku janji di bawah ini atau di dalam Kemudahan.
 - Aku janji pembelian ini tidak akan terbatal (kecuali dengan kebenaran bertulis dari Bank) dan akan terikat terhadap saya/kami dan pengganti saya/kami yang mempunyai hak, penerima serah hak dan wakil peribadi.
27. Berjanji untuk menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan Bank ditanggung rugi terhadap semua perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan oleh sebarang kecacatan, kerosakan dan/atau kekurangan kualiti ke atas Aset atau kekurangan kecergasan untuk menggunakan Aset atau sebaliknya yang berkenaan termasuk sebarang kehilangan dalam apa cara

sekali pun yang membolehkan kerugian kepada Bank disebabkan keputusan Bank bersetuju untuk mengambil bahagian di dalam perjanjian Tawarruq kecuali disebabkan oleh kecuaihan, penipuan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank atau ejennya.

28. Bersetuju dan mengakui bahawa, Sijil ASB hanya akan mengandungi nama Pemohon Utama sebagai pemilik walaupun Kemudahan ini ditawarkan secara bersama.
29. Bersetuju dan mengakui bahawa tempoh Pembiayaan maksimum untuk Kemudahan ini adalah berdasarkan umur Pemohon Utama walaupun Kemudahan ini ditawarkan secara bersama.

Notis Dasar Pertukaran Asing – Pengakuan Dan Aku Janji

- (a) Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan dalam dokumen ini adalah benar, tepat dan mematuhi sepenuhnya Notis Dasar Pertukaran Asing ("Notis FEP");
- (b) Saya/Kami bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang maklumat yang tidak tepat, tidak benar atau tidak lengkap yang diberikan;
- (c) Saya/Kami dengan ini membenarkan pihak Bank menyerahkan maklumat ini kepada BNM bagi mematuhi Notis FEP;
- (d) Saya dengan ini bersetuju dan membenarkan yang berikut:
 - Pihak Bank berhak menolak permintaan, arahan dan perintah pembayaran yang tidak mematuhi Notis FEP sepenuhnya;
 - Saya/Kami akan memberi indemniti berlanjutan kepada pihak Bank atas semua jumlah wang, tindakan, prosiding, saman, tuntutan, permintaan, kerosakan, kos, perbelanjaan dan penalti kewangan yang dikenakan oleh pegawai selia dan apa jua jumlah tuntutan lain terhadap pihak Bank akibat kegagalan mematuhi sebarang terma dan syarat yang tertera di sini;
 - Saya/Kami akan mendedahkan dan memberikan segala maklumat/dokumen yang diperlukan atau dianggap perlu kepada pihak Bank dengan menepati jangka waktu yang ditentukan oleh pihak Bank sama ada untuk tujuan mematuhi undang-undang, peraturan, pengawalan, arahan dan garis panduan BNM dan/atau yang diberikan, dibuat atau ditubuhkan oleh pihak Bank;
 - Sementara menunggu maklumat daripada saya/kami dan sehingga ia diterima dan disah memuaskan oleh pihak Bank dan/atau pihak berkuasa yang berkenaan, pihak Bank tidak berkewajipan untuk melakukan sebarang transaksi; dan
- (e) Saya/Kami dengan ini memberi aku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat yang dinyatakan di sini.

BAHAGIAN IV

Surat Perwakilan

Kepada: HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD

1. Saya/Kami dengan ini, secara tidak boleh batal dan tanpa syarat, melantik pihak Bank sebagai wakil yang mutlak saya/kami, untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:
 - (a) untuk membeli apa-apa komoditi yang dibenarkan Syariah ("Aset") yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank; daripada pihak Bank (sebagai penjual) mengikut terma bayaran tertanggung yang dipersetujui bersamaan dengan Amaun Kemudahan dengan cara dan terma-terma yang ditentukan dan atas budi bicara Bank;
 - (b) untuk mengambil hakmilik (fizikal atau konstruktif) Aset tersebut;
 - (c) di atas permintaan saya/kami, untuk membenarkan saya/kami mengambil milikan ke atas Aset dengan kos dan bayaran yang ditanggung oleh saya/kami, tertakluk pada pihak Bank belum lagi menjual Aset tersebut kepada mana-mana pembeli komoditi lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank ("pihak ketiga");
 - (d) untuk menjual Aset kepada pihak ketiga di atas budi bicara pihak Bank bagi pihak saya/kami dengan harga yang bersamaan dengan Amaun Pembiayaan;
 - (e) untuk menerima Pulangan Jualan bagi pihak saya/kami daripada pihak ketiga yang membeli Aset, memegang Pulangan Jualan yang diamanahkan oleh saya/kami dan mengkreditkan ke dalam akaun pengumpulan Bank untuk tujuan mendapatkan unit ASB/ASB 2 bagi pihak saya/kami;
 - (f) untuk memindahkan pemilikan dan memberi pemilikan Aset kepada pihak ketiga yang membeli Aset tersebut; dan
 - (g) untuk melaksanakan segala yang berkaitan di atas tetapi tidak terhad kepada pelaksanaan Sijil Jualan Elektronik terhadap sebarang dokumen atau instrumen yang diperlukan untuk serahan, pemilikan dan sekatan Aset dalam apa cara yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.
2. Saya/Kami akan mengenal pasti bahawa pihak bank adalah wakil yang mutlak dan tidak didedahkan pada setiap masa:
 - (i) memberi kuasa untuk menandatangani dan melaksanakan semua dokumen dan melakukan semua tanggungjawab yang perlu dilakukan sebagai wakil yang dilantik oleh saya/kami, atau dipertanggungjawabkan

atas sebarang transaksi jualan kepada pembeli pihak ketiga untuk Aset tersebut;

- (ii) memberi kuasa untuk membahagikan hak dan tanggungjawab sebagai wakil kepada pihak ketiga untuk melakukan semua tanggungjawab untuk menyelesaikan transaksi yang diperlukan; dan
 - (iii) perlu untuk melakukan semua tanggungjawab pentadbiran berkaitan pemegangan dan jualan Aset dan juga perlindungan takaful yang berkaitan.
3. Tanpa mengira sebarang penjualan Aset oleh pihak Bank bagi pihak saya/kami dan sebarang isu atau pertikaian yang mungkin berlaku antara saya/kami dan pembeli pihak ketiga berhubung dengan Aset tersebut, jualan tersebut oleh pihak Bank sebagai ejen saya/kami tidak akan melepaskan saya/kami daripada tanggungjawab saya/kami yang dinyatakan di dalam Sijil Jualan Elektronik dan Kemudahan, walaupun Aset telah dijual oleh Bank selepas pembelian saya/kami tetapi sebelum penyelesaian sepenuhnya harga jualan dan hutang yang dinyatakan dalam Sijil Jualan Elektronik.
 4. Saya/Kami terikat dengan mana-mana kontrak atau perjanjian yang dibuat oleh pihak Bank yang mewakili saya/kami sebagai ejen. Setiap transaksi jual beli yang dibuat tidak boleh diberhentikan secara unilateral oleh mana-mana pihak di dalam kontrak tersebut.
 5. Saya/Kami tidak menganggap perlantikan Bank sebagai ejen untuk mewujudkan satu perkongsian atau usaha sama, ia juga tidak mewujudkan hubungan prinsipal atau ejen dalam mana-mana hubungan lain di antara saya/kami dan pihak Bank.
 6. Perlantikan ini akan terhenti dengan serta merta apabila tamat tempoh atau penamatan Kemudahan.
 7. Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi pihak Bank daripada apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh pihak Bank akibat daripada memenuhi fungsi Bank sebagai ejen seperti yang dinyatakan di atas, kecuali kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaihan, penipuan dan salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank atau ejennya.

BAHAGIAN V

Persetujuan dan Pengakuan Privasi Data

Saya/Kami,

- (a) mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan kepada Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLB/HLISB") adalah lengkap, benar dan betul dan akan segera memaklumkan HLB/HLISB tentang sebarang perubahan maklumat tersebut;
- (b) mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan bersetuju dengan Notis Privasi HLB/HLISB* yang mungkin diubah dari semasa ke semasa. Salinan Notis Privasi disediakan apabila diminta atau boleh didapati di laman sesawang HLB/HLISB;
- (c) mengaku bahawa menurut Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("CRA"), saya/kami, yang bertandatangan di bawah ini, dengan ini tanpa boleh ditarik balik dan memberi kebenaran tanpa syarat kepada CTOS Data Systems Sdn Bhd, Experian Information Services (Malaysia) Sdn Bhd (sebelumnya dikenal sebagai RAM Credit Information Sdn Bhd), Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, FIS Data Reference Sdn Bhd, BASIS Corporation Sdn Bhd dan Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd (masing-masing dirujuk sebagai "Agensi Pelaporan Kredit" dan secara kolektif, "Agensi-agensi Pelaporan Kredit") untuk memproses dan mendedahkan apa-apa maklumat peribadi, maklumat syarikat/perniagaan (jika berkenaan) dan maklumat kredit (seperti yang ditakrifkan dalam CRA) saya/kami, termasuk maklumat kredit di mana saya/kami adalah pemohon bersama atau dengan siapa saya/kami dikaitkan atau telah dikaitkan (disebut secara kolektif sebagai "Maklumat Kredit") dan terdapat dalam rekod Agensi Pelaporan Kredit atau sebarang maklumat dalam rekod Biro Kredit, BNM (termasuk sebarang pangkalan data atau sistem yang dibentuk oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa atau badan kerajaan atau kawal selia, Cagamas Berhad dan/atau Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa pada bila-bila masa seperti yang difikirkan sesuai oleh HLB/HLISB kepada HLB/HLISB bagi tujuan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang disenaraikan dalam Notis Privasi HLB/HLISB yang disediakan apabila diminta atau di laman sesawang HLB/HLISB;
- (d) memberi kebenaran kepada HLB/HLISB untuk memberi maklumat peribadi dan syarikat/perniagaan saya(jika berkenaan), seperti yang disediakan dalam permohonan ini, kepada Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan, untuk membolehkan Agensi Pelaporan Kredit memberi notifikasi yang berkaitan kepada saya seperti yang diperlukan di bawah CRA;
- (e) bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan HLB/HLISB atas:
- Sebarang kenyataan, salah kenyataan, ketidaktepatan atau peninggalan apa-apa jenis atau cara yang terkandung dalam maklumat kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang diberikan kepada HLB/HLISB oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkaitan;
 - Kebergantungan HLB/HLISB terhadap maklumat kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang telah disediakan oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan dalam membuat keputusan berhubung dengan permohonan saya/kami untuk kemudahan kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB/HLISB yang lain; dan
 - Sebarang pendedahan Maklumat Kredit saya/kami oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan kepada mana-mana pelanggan Agensi Pelaporan Kredit yang lain berhubung dengan perkhidmatan pelaporan kredit yang disediakan.
- (f) mengaku bahawa Persetujuan ini hendaklah tanpa prasangka terhadap klausa lain dalam perjanjian yang mentadbir syarat-syarat kredit dan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB/HLISB lain yang saya/kami telah mohon di sini dan hendaklah kekal sah dan mengikat terhadap saya/kami selagi saya/kami kekal menjadi pelanggan HLB/HLISB dan/atau penyedia perkhidmatan/vendor luar HLB/HLISB (jika berkenaan);
- (g) memberi kuasa tanpa boleh ditarik balik dan membenarkan HLB/HLISB, para pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat saya/kami berkaitan permohonan ini, akaun sekarang dan masa depan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan saya/kami atau syarikat/perniagaan dan operasi saya/kami (jika berkenaan) kepada orang/entiti yang dinyatakan dalam Notis Privasi HLB/HLISB yang diperlukan untuk penyediaan produk atau perkhidmatan kewangan atau untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau kontrak. Saya/Kami dengan ini dan tanpa boleh ditarik balik bersetuju dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa kecuai dan melainkan kerosakan yang timbul secara langsung akibat kemungkiran atau kecuai melampau yang disengajakan oleh HLB/HLISB, pegawai dan kakitangannya tidak akan dipertanggungjawabkan atas penyediaan maklumat tersebut atau akibat daripada apa-apa pergantungan yang boleh diletakkan pada maklumat yang diberikan menurut perakuan ini;
- (h) memberi persetujuan kepada HLB/HLISB, atau mana-mana gabungannya, termasuk cawangan untuk berkongsi maklumat saya/kami dengan pihak berkuasa percuai dengan tujuan untuk membolehkan HLB/HLISB, atau mana-mana gabungannya mematuhi syarat-syarat Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA") dan Standard Pelaporan Bersama ("CRS") sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan atau arahan kawal selia yang terpakai; dan
- (i) memberi kebenaran kepada HLB/HLISB untuk berkongsi data peribadi saya/kami dalam HLB/HLISB, kumpulan syarikat Hong Leong Financial Group Berhad dan/atau Syarikat/Organisasi (termasuk wakil sah mereka) yang terdiri daripada ejen, ahli gabungan, pembekal perkhidmatan, dan/atau rakan kongsi perniagaan; untuk tujuan pemasaran dan promosi atau jualan silang.

- Bersetuju
 Tidak Bersetuju

Nota: Sila hubungi Pusat Panggilan kami di 03-7626 8899 untuk meminda arahan perkongsian tersebut.

PERINGATAN:

Anda diingatkan untuk membaca dan memahami Perakuan dan Keizinan Kebersendirian Data Pelanggan, Pembiayaan ASB-i HLISB Helaian Pendedahan Produk ("PDS") Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLMT") - ARTT ("PDS"), Penyata Pendedahan Risiko Pelaburan Dalam Unit Amanah Menerusi Pembiayaan/Pinjaman ASNB, Surat Akaun dan Pengesahan ASNB, dan Terma & Syarat Pembiayaan ASB-i HLISB serta semua terma dan syarat kempen (jika berkenaan) sebelum menandatangani Borang Permohonan ini dan/atau menghantar Borang Permohonan ini (dalam kes permohonan elektronik). Saya/Kami dengan ini:

- Mengaku bahawa saya/kami telah mendapat penjelasan yang mencukupi daripada pegawai Bank berkaitan terma-terma utama Helaian Pendedahan Produk Pembiayaan ASB-i HLISB (tidak terpakai untuk permohonan elektronik).
- Mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca, memahami, bersetuju dan mengesahkan kandungan semua bahagian dalam Perakuan dan Keizinan Kebersendirian Data Pelanggan termasuk klausa-klausa Notis Privasi yang dinyatakan di atas yang telah disediakan kepada saya/kami di laman sesawang HLISB di <https://www.hlisb.com.my>
- Mengesahkan dan mengakui bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan menerima salinan dokumen berikut yang disediakan untuk saya/kami;
- Helaian Pendedahan Produk-ARTT;
 - Penyata Pendedahan Risiko Pelaburan Dalam Unit Amanah Menerusi Pembiayaan/Pinjaman ASNB;
 - Surat Akaun dan Pengesahan ASNB; dan
 - T&S Pembiayaan ASB-i Hong Leong.
- Mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan menerima isi kandungan Deklarasi yang terdapat di dalam borang permohonan ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai ciri produk atau terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.

Yang Benar,

TANDATANGAN PEMOHON

Tandatangan
Pemohon:

Tarikh:

Tandatangan
Pemohon
Bersama 1:

Tarikh:

Tandatangan
Pemohon
Bersama 2:

Tarikh:

DIKENDALIKAN OLEH

Nama Pegawai:

No. Tel. Pegawai:

Tarikh:

Jumlah Amaun Pembiayaan: _____

Tempoh: _____

Penandatanganan yang
diberi kuasa:

Penasihat ARTT

Nama Penuh: _____

Kod Agen

T									
---	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Tandatangan: _____